



KETUA PENGARAH
Jabatan Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

☎ 03 - 8889 7739
☎ 03 - 8889 7961
🌐 <https://www.jwp.gov.my>

EMBARGO

Rujukan Kami : KWP(R) : 24/14/8 Jld. 75 (52)
Tarikh : **26** Februari 2025

NO. KOD : P.M.W. (20250012 / 2 / 2025)

YBRS. ENCIK ZAHID BIN ISMAIL
(660320-07-5225)

YBrs. Tuan,

**JEMPUTAN KE ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN (DKBPWP)
TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBrs. Tuan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YBrs. Tuan sedia maklum, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah berkenan mengurniakan kepada YBrs. Tuan, **Darjah Kebesaran PANGlima MAHKOTA WILAYAH (P.M.W.) yang membawa gelaran 'Datuk'** sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2025 dan YBrs. Tuan telah pun bersetuju dengan pengurniaan ini.

3. Dalam hubungan ini, bagi maksud menyempurnakan Istiadat Pengurniaan DKBPWP Tahun 2025, besarlah harapan saya sekiranya YBrs. Tuan dapat menghadiri sesi raptai dan istiadat bagi pengurniaan tersebut di **Balairung Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur** pada tarikh dan masa seperti berikut:

EMBARGO

3.1 HARI RAPTAI (DIWAJIBKAN DAN HANYA UNTUK PENERIMA SAHAJA)

Tarikh : 6 Mac 2025 (Khamis)

Masa : 7.30 pagi - Pendaftaran dan Taklimat
9.00 pagi - Raptai

3.2 HARI ISTIADAT (PENERIMA DAN PASANGAN)

Tarikh : 7 Mac 2025 (Jumaat)

Masa : 7.30 pagi - Pendaftaran
9.00 pagi - Istiadat

(Atur Cara Tentatif Istiadat Pengurniaan DKBWP Tahun 2025 adalah seperti yang dilampirkan)

4. Sehubungan itu, YBr. Tuan adalah dipohon untuk mengesahkan kehadiran menggunakan **Borang Jawapan Pengesahan Kehadiran ke Istiadat DKBWP Tahun 2025 seperti di Lampiran A selewat-lewatnya pada 27 Februari 2025 (Khamis)** untuk tindakan selanjutnya.

5. Segala kerjasama dan perhatian YBr. Tuan berikan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM)